

29/12/2000

Laporan media asing bertujuan hentam BN

KUALA LUMPUR, Khamis - Dakwaan media asing bahawa orang Melayu kini bersatu di bawah Pas sengaja digembar-gemburkan sebagai memenuhi agenda untuk menghentam kerajaan Barisan Nasional (BN), terutama Umno.

Media asing sengaja mengeluarkan laporan seumpama itu bagi menggambarkan orang Melayu sudah lemah dan tidak bersatu lagi.

Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Azmi Khalid berkata, dakwaan itu jelas tidak ikhlas kerana ia lebih kepada sentimen politik bagi memecah-belahkan orang Melayu.

"Sejak dahulu lagi termasuk ketika rancangan Dasar Ekonomi Baru (DEB) media asing terus menghentam Malaysia. Kita tidak seharusnya mempercayai seratus peratus laporan media asing itu.

"Ternyata laporan mereka tidak boleh menjadi petunjuk kepada keadaan keseluruhan politik negara ini. Mereka bukanlah pemerhati profesional.

"Kita tidak boleh bergantung kepada laporan media asing. Ini kerana sudah menjadi kerja mereka untuk mengeluarkan laporan sebegitu bagi mendapat perhatian rakyat," katanya.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang menyangkal pendapat media asing bahawa orang Melayu kini bersatu di bawah Pas.

Azmi berkata, dakwaan Melayu bersatu di bawah Pas itu adalah gimik dan andaian politik bagi menunjukkan mereka (Pas) kuat.

Walaupun, pada ketika ini, sokongan orang Melayu terhadap BN sudah berpecah, ia tidak dapat menggambarkan mereka menolak BN, sebaliknya masih utuh.

(END)